

**PROGRAM INDAH BAHASA INDAH BUDAYA  
SEMPENA BULAN BAHASA KEBANGSAAN INSTUN  
TAHUN 2022**

**TARIKH:** 6 Oktober 2022 (Khamis)

**TEMPAT :** Auditorium INSTUN

**PENGLIBATAN :** Semua warga INSTUN

**ANJURAN :** BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN INSTUN

**PENCERAMAH :** 1. Prof. Madya Dr. Samsudin bin Suhaili, Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI),  
2. Prof. Madya Dr. Norliza binti Jamaluddin, Pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak.

**RINGKASAN PROGRAM:**

Pada setiap bulan Oktober, kita akan menyambut sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan yang digerakkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan diisi dengan pelbagai program di seluruh negara. Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk mendidik masyarakat berbilang bangsa khususnya di Malaysia agar dapat menyemarakkan dan seterusnya memartabatkan bahasa kebangsaan negara tersebut dalam pelbagai aspek dan bidang yang boleh memaju ke arah kelestarian Bahasa Melayu sebagai bahasa kelas dunia yang praktikal dan realistik.

Antara objektif program adalah mewujudkan budaya berbahasa yang baik dalam kalangan warga INSTUN dan memberi ruang kepada warga untuk menyampaikan maklumat dengan teratur, tepat dan berkesan; sesuai dengan keperluan pentingnya penguasaan bahasa yang berkualiti dalam kehidupan seharian dan mendedahkan keunikan bahasa dari pelbagai aspek di kalangan warga INSTUN.



Sesi bergambar bersama para penceramah dan warga INSTUN



Sesi Taklimat oleh Prof. Madya Dr. Norliza binti Jamaluddin



Penyampaian hadiah kepada Prof. Madya Dr. Samsudin bin Suhaili